

**Terma & Syarat
Peraduan Media Sosial
Hari Bapa 2025**

1. "PERADUAN MEDIA SOSIAL HARI BAPA 2025" ("Peraduan") yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB") akan berlangsung mulai 12 Jun 2025 hingga 30 Jun 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Peraduan").
2. ABMB berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicara mutlak pada bila-bila masa.
3. Peraduan ini dibuka kepada semua pengguna Facebook dan Instagram warganegara Malaysia, termasuk staf ABMB dan Alliance Islamic Bank Berhad.
4. Dengan menyertai Peraduan ini, anda ("Peserta") dianggap telah menerima dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung termasuk mana-mana pindaan atau variasi dan akan menerimanya secara keseluruhan dan sepenuhnya. Oleh yang demikian anda diingatkan untuk membaca dengan teliti dan memahami semua Terma dan Syarat Peraduan yang terkandung di sini. Keputusan ABMB berhubung semua perkara berkaitan Peraduan ini adalah muktamad dan terikat untuk semua Peserta dan sebarang surat menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan.
5. Untuk menyertai Peraduan dan layak memenangi hadiah, Peserta dikehendaki:

Laman Facebook:

- a. Fikirkan tip yang unik, kreatif dan berkesan yang digunakan atau diajar oleh ayah anda kepada anda.
- b. Kongsikan tip tersebut di ruangan komen (kurang daripada 30 perkataan). Kemudian, tag @alliancebankmalaysia dan 3 rakan anda. Contoh: Ayah menggunakan gelang getah untuk memegang bersama alat kawalan jauh yang patah dan memanggilnya sokongan teknologi percuma. @alliancebankmalaysia @nama @nama @nama.
- c. "Like" akaun Facebook Alliance Bank dan pastikan akaun anda ditetapkan kepada paparan umum.

Laman Instagram:

- a. Fikirkan tip yang unik, kreatif dan berkesan yang digunakan atau diajar oleh ayah anda kepada anda.
- b. Kongsikan tip tersebut di ruangan komen (kurang daripada 30 perkataan). Kemudian, tag @alliancebankmalaysia dan 3 rakan anda. Contoh: Ayah menggunakan gelang getah untuk memegang bersama alat kawalan jauh yang patah dan memanggilnya sokongan teknologi percuma. @alliancebankmalaysia @nama @nama @nama.
- c. Ikuti halaman Instagram Alliance Bank dan pastikan akaun anda ditetapkan kepada paparan umum.

6. Semua penyertaan yang diserahkan dan diterima, melainkan ditarik balik oleh peserta atau dibatalkan oleh ABMB, boleh disiarkan di laman Facebook Page atau Instagram ABMB untuk tontonan awam.
7. Peserta hanya dibenarkan untuk mendaftar SATU (1) profil Facebook atau Instagram untuk layak menyertai Peraduan ini. Jika Peserta didapati menggunakan lebih daripada SATU (1) profil Facebook atau Instagram, ABMB berhak sepenuhnya mengikut budi bicara untuk membatalkan penyertaan Peserta, termasuk dan tidak terhad kepada merampas hadiah yang dimenangi oleh Peserta yang dibatalkan. Hadiah akan diberikan kepada pemenang Peraduan berikutnya yang layak.

8. Penyertaan berbilang adalah dibenarkan. Bagi mengelakkan kekeliruan, walaupun para Peserta dibenarkan untuk menyerahkan berbilang penyertaan, setiap Peserta hanya dibenarkan menang SEKALI sahaja.
9. Para peserta yang menyerahkan penyertaan yang tidak lengkap atau penyertaan yang dianggap oleh ABMB, mengikut budi bicaranya, sebagai mengandungi unsur-unsur yang menyinggung, tidak wajar, tidak sesuai dan/atau lucah akan secara automatik hilang kelayakan daripada Peraduan tanpa sebarang notis.
10. Sebanyak dua puluh (20) penyertaan akan dipilih sebagai pemenang peraduan berdasarkan penghargaan yang paling kreatif. Sepuluh (10) pemenang akan dipilih dari Facebook dan sepuluh (10) pemenang dari Instagram. Pemilihan Pemenang adalah hak mutlak ABMB. Rujuk butiran hadiah di bawah:

10 x RM50 kredit e-Wallet Touch 'n Go untuk tips yang paling menarik (bagi laman Facebook dan Instagram masing-masing)

11. Hadiah Peraduan yang dipamerkan di dalam iklan dan bahan pemasaran yang lain adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata. Reka bentuk yang sebenar mungkin berbeza.
12. Setiap Peserta hanya dibenarkan memenangi satu hadiah, iaitu, jikalau peserta menyertai peraduan di Facebook dan Instagram, peserta hanya layak menjadi sama ada Facebook atau Instagram. Keputusan ABMB adalah muktamad dan surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan.
13. Dua puluh (20) orang Pemenang akan diumumkan melalui Laman Facebook dan Instagram ABMB sebulan sebelum 31 Julai 2025.
14. Semua pemenang Peraduan ("Pemenang") perlu memberikan nama penuh mereka seperti dalam MyKad, nombor Mykad, alamat e-mel, dan nombor untuk dihubungi yang sah kepada ABMB untuk menuntut hadiah Peraduan.
15. Peserta dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran tanpa boleh ditarik balik untuk ABMB mendedahkan butiran mereka kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diambil oleh ABMB bagi tujuan Kempen ini termasuk penghantaran hadiah Peraduan.
16. Pengagihan kredit e-Wallet tidak akan dibuat ke alamat e-mel yang tidak sah. Sila berikan tempoh selama enam (6) hingga lapan (8) minggu untuk penghantaran hadiah dibuat selepas pengumuman para pemenang.
17. ABMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemenang jika hadiah Peraduan tidak dapat diagihkan atau sebarang kerugian dialami sekiranya nombor telefon dan/atau alamat e-mel Pemenang yang diberikan kepada ABMB tidak tepat/tidak lengkap.
18. ABMB berhak untuk membatalkan Hadiah Peraduan sekiranya Hadiah Peraduan tidak dapat dihantar kepada pemenang selepas dua percubaan.
19. ABMB pada bila-bila masa berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicara mutlaknya.
20. Sebarang perkara yang tidak dicatat di dalam Terma dan Syarat ini akan ditentukan sepenuhnya oleh ABMB.

21. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Peraduan atau pembatalan penyertaan atau rampasan hadiah peraduan tidak melayakkan Peserta atau Pemenang untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ABMB atau untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta sama ada secara langsung atau tidak langsung
22. ABMB tidak memberikan apa-apa waranti atau jaminan dalam apa jua bentuk untuk hadiah peraduan dan ABMB pula tidak bertanggungjawab terhadap kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian hadiah dalam apa juga bentuk (jika berkenaan). ABMB tidak mewakili dan bukan ejen pembekal, pembuat, peniaga, ejen dan/atau penyedia perkhidmatan kepada sesiapa yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini. ABMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemenang atau orang lain tidak kira siapa atas sebarang kerugian, kos atau ganti rugi tidak kira apa jenisnya sebagaimana yang dialami, yang diperoleh atau ditanggung oleh Pemenang atau mana-mana orang lain, disebabkan oleh penggunaan hadiah peraduan atau sebaliknya.
23. Para peserta bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami Notis & Pernyataan Prinsip Pilihan - Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang terdapat di laman web ABMB: <https://www.alliancebank.com.my/>.
24. ABMB telah memperkenalkan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang direka untuk mencegah rasuah dan korupsi oleh ABMB dan para pengarah, pegawai atau pekerjanya; dan sepanjang pengetahuan ABMB, ABMB mahupun mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja ABMB tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan anti-rasuah atau anti-korupsi yang terpakai untuk ABMB. ABMB tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berhubung dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, memberi kuasa, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan bagi meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan lain apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
25. Dengan menyertai kempen ini, Peserta dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan tentang ringkasan dasar ringkasan dasar anti-rasuah dan anti-korupsi ABMB: <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> dan perjanjian/akujanji selanjutnya bahawa mereka tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank. Terma dan Syarat Peraduan ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.